

Promosi Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) [\(English Version\)](#)

Dikemaskini pada 13 Februari 2026 untuk berkuatkuasa 13 Mac 2026

TEMPOH PROMOSI

Terma dan syarat promosi Akaun Pelaburan Berjangka-i ("**TIA-i**") ini oleh Hong Leong Islamic Bank hendaklah dibaca bersama-sama Terma & Syarat TIA-i dan sebarang terma dan syarat berkaitan ("**T&S Yang Dikenakan**") yang lain seperti ditetapkan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) ("**HLISB**" atau "**Bank**"). Bank boleh mengenakan terma dan syarat berkaitan yang lain sepertimana peraturan-peraturan lain pada bila-bila masa setelah diberi notis terlebih dahulu.

"**Promosi Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i)**" ("**Promosi**") HLISB bermula pada 13 Mac 2026 dan berakhir pada 31 Mac 2026, termasuk kedua-dua tarikh, atau sebaik sahaja mencapai sasaran promosi yang ditetapkan, mengikut mana yang terdahulu ("**Tempoh Promosi**"), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT ("T&S"):

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada individu dan pemilik tunggal ("**Pelabur**") yang merupakan pemegang akaun utama untuk Akaun Semasa atau Akaun Simpanan-i HLISB ("**CASA-i**")/Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**") ("**CASA**"). Pelabur mestilah mendaftar untuk kemudahan HLB Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Pemegang akaun bersama CASA-i/CASA tidak dibenarkan membuka/mengendalikan TIA-i dan menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini hanyalah untuk langganan baharu yang dibuat semasa Tempoh Promosi. Pelabur yang memperbaharui pelaburan yang sedia ada semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi kecuali pelabur menebus pelaburan tersebut dan membuat langganan baharu.

Kadar Indikatif Promosi bagi TIA-i & Langganan

4. Pelabur yang telah melanggan TIA-i dengan amaun antara Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dan Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000) semasa Tempoh Promosi berhak menikmati Kadar Indikatif Promosi seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah: -

Jadual 1

Tempoh Efektif Kadar Promosi Indikatif	Tempoh Pelaburan	Kadar Perkongsian Keuntungan (PSR) Pelanggan: Bank	Kadar Promosi Indikatif	Amaun Langganan Minimum dalam TIA-i	Amaun Langganan Maksimum dalam TIA-i
13 Mac 2026 - 31 Mac 2026	3 bulan	85:15	3.45% setahun*	RM1,000.00	RM5,000,000
	6 bulan	85:15	3.60% setahun*	RM1,000.00	RM5,000,000
	8 bulan	85:15	3.70% setahun*	RM1,000.00	RM5,000,000
	12 bulan	85:15	3.65% setahun*	RM1,000.00	RM5,000,000

* Kadar Promosi Indikatif mungkin disemak semula mengikut budi bicara Bank

Umum

- Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur bersetuju: -
 - menerima T&S di dalam ini;
 - keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat; dan
 - mengakses laman web HLISB di www.hlbislamic.com.my/TIA-i ("**Laman Web Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S.
- HLISB berhak: -
 - menambah, menggugurkan, menggantung atau menukar T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian setelah memberi notis terlebih dahulu. Bank akan menyiarkan T&S yang dikemaskini dalam laman web Bank atau dengan apa-apa cara yang Bank anggap sesuai dengan memberi notis awal kepada Pelabur; dan
 - melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur daripada menyertai Promosi kerana tidak mematuhi T&S di dalam ini dan T&S Yang Berkenaan yang HLISB anggap wajar.

3. Semua T&S lain yang berkaitan dengan TIA-i akan terus terpakai melainkan dinyatakan sebaliknya dalam T&S.
4. T&S tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
5. Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Pelabur hendaklah merujuk pada T&S ini setakat yang berkaitan dengan Promosi ini.
6. T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat TIA-i hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S di dalam ini dengan Terma dan Syarat TIA-i, maka Pelabur hendaklah merujuk T&S ini yang hanya terpakai bagi Promosi ini.
7. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang termasuk tunggal adalah termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan mengenai T&S, sila hantar emel kepada kami di alamat hlonline@hlbb.hongleong.com.my

Ahli PIDM. TIA-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans anda tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke akaun bukan deposit, sebagai contoh, Amanah Saham, Bon/Sukuk, Pelaburan Dwimata Wang (DCI), Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung (FRNID), Instrumen Deposit Boleh Niaga Islam (INID), Pelaburan Berstruktur, ASNB, Akaun Pelaburan-i dan lain-lain lagi.

TIA-i tertakluk pada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian amaun pokok yang dilaburkan. Prestasi masa lalu tidak menjadi petunjuk keputusan masa depan, harga/wang yang dilaburkan adalah tertakluk kepada risiko pasaran yang mungkin menyebabkan nilainya naik atau turun